

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ

- Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Yang Berhormat Pehin-Pehin, Timbalan-Timbalan Menteri, para hadirin dan hadirat sekalian.

-----

Alhamdulillah, dengan merafak syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, Majlis Ilmu Tahun 2020 bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-74 dapat diungkayahkan walaupun dengan norma yang berbeza dari tahun-tahun sebelumnya dengan suasana negara kita masih lagi dalam keadaan berwaspada mengawal jangkitan COVID-19 yang sedang melanda dunia.

Mengimbas kembali pada tahun 2009, Majlis Ilmu tidak diadakan pada tahun tersebut kerana penularan penyakit berjangkit H1N1. Acara-acara perkumpulan ramai yang lazimnya diadakan bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga ditiadakan.

Alhamdulillah, dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'dul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Majlis Ilmu Tahun 2020 ini dapat diungkayahkan dan dilaksanakan dengan sempurnanya walaupun dengan format yang berbeza dari kelazimannya, iaitu dengan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan mengenai mengehendkan perkumpulan ramai disebabkan penularan pandemik COVID-19.

## FINAL

Dengan usaha sepadu dari pelbagai pihak juga, Majlis ini bukan sahaja boleh diikuti menerusi siaran langsung ke seluruh negara melalui siaran-siaran Radio dan Televisyen, malahan ia boleh diikuti melalui media sosial Radio Televisyen Brunei seperti platform *live streaming*, *live Instagram*, *live Facebook* dan sebagainya.

Hadirin sekalian,

Kepentingan mengungkapkannya Majlis Ilmu ini adalah kerana ia merupakan salah satu acara utama perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping mercu tanda kepimpinan intelektualisme Baginda sebagai Pemimpin Islam yang amat menitikberatkan kepentingan ilmu. Malahan ia juga sebagai wadah menghidangkan ilmu dan maklumat yang berguna kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana kelazimannya, Majlis Ilmu Tahun 2020 ini juga diserikan dengan Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini mencerminkan dan menyerlahkan lagi keprihatinan Baginda terhadap kepentingan ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa serta terkini kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Setinggi-tinggi menjunjung kasih jua disembahkan di atas perkenan Baginda bagi mengurniakan Titah Perutusan Khas Majlis Ilmu Tahun 2020 pada pagi ini yang baru saja sebentar tadi kitani ikuti siarannya.

Hadirin sekalian,

Tema Majlis Ilmu Tahun 2020 ini ialah **"Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah"**. Tema ini dipilih bagi mengambilkira pada masa ini situasi penularan pandemik COVID-19 yang telah melanda dan memberi kesan yang besar khususnya terhadap kesihatan dan perkembangan sosio-ekonomi yang dihadapi oleh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam.

Tema ini menjelaskan bahawa kesihatan merupakan ni'mat dan amanah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Dengan kata lain, Islam sangat menitikberatkan penjagaan kesihatan fizikal dan spiritual di mana badan dan mental yang sihat merupakan asas kepada pembangunan dan kesejahteraan diri dan ummah. Kesihatan juga menjadi asas utama bagi mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang.

## FINAL

Selaras dengan tema pada tahun ini, Majlis Ilmu diselenggarakan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan dua kementerian lagi iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

Pada lazimnya, acara-acara utama Majlis Ilmu diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dimulai dengan acara Majlis Perasmian dan Ceramah Khas. Kemudian diikuti dengan Majlis Forum Perdana, Ceramah Perdana, Seminar dan Pameran Majlis Ilmu yang juga turut dihadiri oleh para jemputan atau panel-panel penceramah dari luar negara. Sambutan Majlis Ilmu tahun ini dibuat berlainan daripada format kelazimannya, namun format khas ini tetap memberikan *audiences coverage* yang luas bagi rakyat di dalam dan luar negara. Rakyat di dalam dan luar negara, berpeluang sama untuk mendapat manfaat daripada perkongsian ilmu.

Berkesinambungan dengan format khas ini, Majlis Ilmu pagi ini akan diserikan dengan Ceramah Khas yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu Tahun 2020.

Dalam pada itu, dengan format khas ini juga, pemilihan tempat adalah agak berbeza daripada kelaziman di tahun-tahun yang sudah. Adapun pemilihan Masjid Omar 'Ali Saifuddien sebagai tempat berlangsungnya Majlis Ilmu pada tahun ini mempunyai signifikansi yang tersendiri. Ini adalah bagi turut mengenang intelektualisme kebijaksanaan dan keadilan pemerintahan Ayahnda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang telah banyak membawa perubahan kepada pembangunan negara dan juga kehidupan rakyat di negara ini, samada dari aspek ekonomi dan jua pendidikan, sehingga Negara Brunei Darussalam berjaya mencapai nikmat kemerdekaan.

Pencapaian-pencapaian tersebut diteruskan dan jua diperkasakan lagi oleh Baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara "**Melayu Islam Beraja**", dan kemudiannya sebuah "**Negara Zikir**" yang menuju kepada negara "**Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur**", sehingga terus aman makmur serta mengecap kemajuan pembangunan yang sangat ketara. Pencapaian, kejayaan dan kemakmuran ini juga merupakan antara nikmat dan anugerah besar daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang mesti kita sentiasa syukuri dan pelihara.

## FINAL

Untuk makluman para hadirin sekalian, in shaa Allah beberapa acara sektoral juga turut diadakan, antaranya Rancangan Rampai Pagi Edisi Khas, Rancangan An-Nur, Khutbah Juma'at dengan tajuk berkaitan tema, Nadwah Khas, Ceramah-Ceramah sampingan yang dikelola bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan juga Rancangan Majalah TV Majlis Ilmu.

Diharapkan format khas yang diaturkan ini akan dapat mencapai objektif Majlis Ilmu iaitu hidangan ilmu yang mampu menterjemah dan menjelaskan peranan serta kesan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerapkan nilai-nilai utama yang berkaitan dengan kepentingan kesihatan dan kebersihan, termasuklah kesannya kepada pengukuhan kerohanian serta keimanan dalam agenda pembangunan negara.

Hadirin sekalian,

Sebelum berundur diri, peramba / kaola / saya dan semua peringkat Ahli-Ahli Jawatankuasa yang mengungkayahkan Majlis Ilmu Tahun 2020, menjunjung dan mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya di atas kehadiran Yang Amat Mulia, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Yang Berhormat Pehin-Pehin, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, para hadirin dan semua yang berada di majlis pada pagi ini.

Terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya juga diucapkan kepada semua pihak yang turut terlibat mengungkayahkan, serta menjayakan majlis yang berkat dan berkebakikan ini. Semoga segala usaha dan sumbangan murni yang diberikan akan diberi ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**DATO SERI SETIA HAJI AWANG ABDUL MOKTI BIN HAJI MOHD DAUD**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

Selaku

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu Tahun 2020

**FINAL**

Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
Yang Ke-74 Tahun